

IHP Domestik Untuk Februari Naik 2.6 Peratus Kepada 129.4
Bernama
31 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Indeks Harga Pengeluar (IHP) domestik Malaysia untuk bulan Februari meningkat 2.6 peratus kepada 129.4 daripada 127.9 pada bulan yang sama tahun lepas, kata Jabatan Perangkaan.

Bulan ke bulan, IHP domestik meningkat 1.2 peratus daripada 127.9 pada Januari disebabkan oleh pertambahan sebanyak 1.6 peratus pengeluaran tempatan dan dalam indeks harga import sebanyak 0.1 peratus.

"Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan IHP untuk pengeluaran tempatan meningkat 2.6 peratus dan indeks harga import meningkat lebih baik kepada 0.6 peratus.

"Indeks untuk bekalan elektrik, gas dan bekalan air melonjak 8.5 peratus, diikuti perlombongan 6.5 peratus, perikanan 4.6 peratus dan pertanian 2.3 peratus dan pembuatan 0.3 peratus," kata jabatan itu dalam satu kenyataan.

IHP untuk pengeluaran tempatan naik 1.6 peratus pada Februari berbanding bulan sebelumnya, terutama disebabkan oleh perubahan positif dalam indeks bagi bahan mentah untuk pemprosesan lanjut, bahan perantaraan, bekalan dan komponen serta barangan siap.

Indeks harga import untuk Februari bergerak 0.6 peratus kepada 113.5 daripada 112.8 peratus tahun lepas.

Kenaikan harga menyebabkan lapan bahagian komoditi iaitu makanan, haiwan, minyak sayuran, lemak, bahan kimia, lain-lain artikel pembuatan, bahan api mineral, pelincir, bahan mentah, minuman yang bukan untuk kegunaan umum, tembakau dan pembuatan barangan.

Berdasarkan perangkaan bulan ke bulan, indeks harga import meningkat 0.1 peratus berbanding 113.4 pada Januari.

Perubahan positif dalam indeks ini berpunca daripada dua kategori iaitu bekalan bahan perantaraan serta komponen dan barangan siap.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026496>